

Mengenali PM lebih dekat lagi

B.H 12 OCT 1989

(P)

Profile

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

APABILA Malaysia melaksanakan dasar 'Buy British last', masyarakat dunia melihat wujudnya satu hubungan yang keruh di antara Malaysia dan Britain. Berikutan itu, pelbagai telahan dan kecaman daripada kumpulan aktivis dan media asing dilemparkan terhadap Malaysia.

Bagaimanapun, itu bukan tohmahan terakhir. Malaysia terus menjadi bahan kritikan. Di antara kempen memburukkan Malaysia termasuklah kempen antiminyak kelapa sawit, dasar perhutanan negara dan alam sekitar, kecaman terhadap apa yang disifatkan sebagai menyekat kebebasan akhbar, Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA yang disifatkan kejam.

Bahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menjadi sasaran. Beliau dianggap seorang diktator sehingga menjadikannya tokoh kontroversi di dalam dan luar negara. Benarkah begitu?

"Datuk Seri Dr Mahathir adalah tokoh kontroversi di kalangan rakyat dan pemimpin di negaranya sendiri. Ini kerana tidak ramai, malah terlalu sedikit yang memahami atau sekurang-kurangnya mempunyai pandangan dan pemikiran seperti Datuk Seri Dr Mahathir. Beliau mempunyai impian, bukan untuk dirinya tetapi rakyat dan negara Malaysia.

Sedutan

"Di mata dunia, Datuk Seri Dr Mahathir sangat dihormati, disanjung dan disegani sebagai pemimpin berkaliber dan berjaya. Bagi saya, beliau bukan anti-British tetapi pro-Malaysia. Kritikan mengenainya dilakukan kerana mereka tidak memahami cita-cita dan naluri Datuk Seri Dr Mahathir," kata seorang penulis dan jurugambar bebas dari Britain, Robin Adshead.

Aneh tapi itulah hakikatnya — rakyat Britain yang biasanya pada masa lalu sering sahaja memandang rendah kepada Malaysia dan mengecam Perdana Menteri kini tertarik dan berminat untuk menulis yang indah mengenai negara ini dan memberi sanjungan serta pujian kepada Datuk Seri Dr Mahathir.

Adshead memang tidak mewakili pandangan semua rakyat Britain terhadap Malaysia sekarang, tetapi minatnya untuk menulis mengenai

riwayat Datuk Seri Dr Mahathir cukup untuk membuktikan bahawa Perdana Menteri adalah pemimpin yang kehadirannya tidak boleh ditekankan begitu sahaja.

Adshead, penulis dan jurugambar mengenai penerbangan, ketenteraan, pelancongan dan hal-ehwal antarabangsa, ada di negara ini untuk menyaksikan pelancaran bukunya bertajuk 'Mahathir Of Malaysia - Statesman and Leader', terbitan Hibiscus Publication dan diedarkan oleh Berita Publishing Sdn Bhd.

Buku yang memaparkan gambar-gambar menarik Perdana Menteri dan keluarganya, termasuk sedutan ucapan beliau akan dilancarkan oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Zahir Ismail. Ini adalah buku pertama Adshead mengenai riwayat hidup seseorang tokoh. Sebelum ini, beliau menghasilkan lapan buku yang menyentuh soal kenderaan ketenteraan, kegiatan luar, Gurkha dan China.

Berminat

Dilahirkan di London pada 1934, memang sukar untuk mencari sebab Adshead begitu berminat menulis mengenai Datuk Seri Dr Mahathir dan tidak Perdana Menteri Malaysia sebelum ini atau pemimpin Asean yang lain.

"Saya tertarik untuk menulis mengenai Datuk Seri Dr Mahathir kerana terlalu banyak membaca rencana mengenainya, sama ada yang baik atau buruk. Selain itu, saya mempunyai cukup masa dan mendapati sekarang adalah paling tepat untuk mengedarkan buku ini sempena CHOGM dan Tahun Melawat Malaysia.

"Lagi pun, sebagai bekas pegawai tentera British di negara ini 22 tahun lalu yang ditugaskan untuk menentang kegiatan komunis, khususnya di Ipoh dan Cameron Highlands, saya sendiri adalah sebahagian daripada sejarah negara ini. Saya tidak berkesempatan menulis mengenai Perdana Menteri Malaysia yang lalu," katanya yang bersara daripada perkhidmatan tentera British pada 1971. Beliau menerima latihan ketenteraan di Akademi Tentera Diraja Sandhurst, England.

Menurut Adshead, buku itu ditulis semata-mata untuk mendedahkan kisah Perdana Menteri sebagai se-

orang manusia biasa dan bukan ahli politik "kerana saya tidak berminat dan memang tidak bermaksud untuk membabitkan diri dalam soal politik."

Beliau menganggap penghasilan buku yang mengambil masa tiga bulan itu ibarat menyusun *jigsaw puzzle*. Adshead berulang-alik dari London dan Malaysia sepanjang pembabitannya untuk menyiapkan buku itu. Beliau menemui Perdana Menteri sekurang-kurangnya enam kali, termasuk rakan-rakan Perdana Menteri di Alor Star untuk mendapatkan bahan tulisan.

Hasil pengamatan Adshead dan temubualnya dengan Datuk Seri Dr Mahathir, termasuk bekas timbalannya, Datuk Musa Hitam, beliau mendapati Perdana Menteri mempunyai dua impian tinggi dalam kehidupannya iaitu:

- menjadi ahli politik untuk membantu rakyat; dan

- bercita-cita tegas untuk meletakkan Malaysia dalam peta dunia.

"Beliau mahu gunung impian yang hendak dibinanya itu kuat dan kukuh, tetapi dalam masa yang pantas. Beliau selalu tidak sabar dalam melaksanakan sesuatu, namun usahanya ternyata jauh ke hadapan. Barangkali inilah antara sebab Datuk Seri Dr Mahathir sukar difahami," katanya dalam satu pertemuan.

Beliau menyifatkan Perdana Menteri seorang negarawan yang pema-lu, pendiam dan jujur kepada di-

rinya sendiri, rakyat dan negara. Datuk Seri Dr Mahathir juga, kata Adshead, rajin dan pantas bekerja.

"Saya begitu mengagumi sikapnya terhadap kerjayanya. Suatu hari saya mengirinkan soalan yang diperlukan bagi buku saya ini dan menjangka tentulah akan memperoleh jawapannya beberapa hari lagi. Sebaliknya, saya menerima jawapan yang lengkap dan menepati soalan, keesokan harinya," katanya.

Anggapan

Malaysia, khususnya Cameron Highlands, Ipoh dan Kluang di Johor memang bukan asing bagi Adshead. Malah penulisan buku mengenai Datuk Seri Dr Mahathir memberinya peluang menyaksikan kepesatan dan kemajuan pembangunan negara ini serta penghormatan dunia yang mengiringinya.

Pandangan dan pendapat Adshead mengenai Perdana Menteri itu dipaparkan dengan jelas dalam buku 'Mahathir of Malaysia: Statesman and leader'.

"Saya berharap buku ini membolehkan orang ramai mengenali Datuk Seri Dr Mahathir lebih dekat lagi, yang pada pandangan saya beliau bukanlah seorang diktator dan keras seperti anggapan sesetengah orang," katanya.

Adshead mempunyai dua anak lelaki — yang tua dilahirkan di Singapura manakala yang bongsu di Hong Kong.